

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 16 MEI 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 4

## Tiada subsidi jika guna elektrik berlebihan

# Tiada subsidi jika guna elektrik berlebihan

Anwar turut maklumkan sistem subsidi diesel diteruskan namun akan ditambah baik

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**

**H**anya pengguna domestik yang menggunakan elektrik berlebihan akan dikenakan caj tarif elektrik semasa dan tidak diberikan subsidi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ini bertujuan untuk mengurangkan beban pengguna domestik terutama golongan B40 dan M40.

"Umpama rumah tiga kipas, empat pendingin hawa, dia harus bayar kos sebenar dan tidak gunakan subsidi.

"Maknanya golongan M40 dan B40 tidak dinaikkan tapi rumah-rumah yang menggunakan elektrik tinggi akan dikenakan bayaran ikut harga pasaran," jelasnya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) di sini pada Isnin.

Sebelum ini ujarnya, kerajaan juga bersetuju tidak menaikkan tarif elektrik kecuali kepada pihak industri sektor tertentu.

"Kita mula pada awal tahun ini tentang keputusan menolak cadangan



FOTO: BERNAMA

Anwar ketika sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MTEN di Bangunan Perdana Putra pada Isnin. Turut hadir Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli (kanan).

kerajaan terdahulu menaikkan tarif elektrik, jadi kita kekalkan untuk M40 dan B40.

"(Hanya) dikenakan kenaikan bagi kilang-kilang besar, melainkan ada kaitan dengan pertanian serta perusahaan kecil dan sederhana.

"Jangan kata tidak ada kenaikan bagi 90 peratus rakyat tapi ada kenaikan, ada rumah-rumah menggunakan elektrik berlebihan termasuk pendingin hawa yang banyak," ujarnya.

Dalam pada itu, Anwar berkata, sistem subsidi diesel sedia ada diteruskan dan ditambah baik dengan memastikan kenderaan yang mendapatkan bekalan diesel dari stesen minyak atau tangki skid dilengkapi dengan sistem *fleet card* untuk memantau penggunaan diesel dan mengelakkan ketirisan.

Ini kerana katanya, tanggungan subsidi negara melonjak kepada RM13 bilion pada tahun lalu dan penggunaan

diesel melonjak 37.7 peratus iaitu 6.1 bilion liter kepada 8.4 bilion liter tahun sama.

"Peningkatan mendadak penggunaan diesel berbanding jumlah kenderaan diesel membayangkan berlaku ketirisan melalui penyeludupan yang perlu ditangani segera," jelasnya.

Anwar berkata, pemberian subsidi diesel tetap diteruskan namun harus melalui kawalan.

"Kerajaan sedang memperincikan jenis-jenis kenderaan yang akan menikmati subsidi diesel.

"Siapa yang perlu atau boleh guna (diesel) tapi jangan ambil dan jual kepada kilang dan kapal asing di tengah laut," tegasnya.

Menurutnya, subsidi yang menggunakan wang cukai daripada rakyat telah digunakan oleh kartel penyelewengan serta penyeludupan untuk menguntungkan segelintir pihak.